

01/03/2000

1,000 sertai sidang Ilmu global

SERAMAI 1,000 peserta tempatan dan antarabangsa akan menghadiri persidangan dan pameran Ilmu Pengetahuan Global Kedua (GKII) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 7 hingga 10 Mac ini.

Persidangan GKII yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dijangka membincangkan pelbagai isu dan cabaran berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membabitkan aspek seperti capaian, pengupayaan dan proses pentadbiran kerajaan.

Selain itu, Perdana Menteri dijangka akan menyampaikan ucapan di persidangan berkenaan. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi dan Presiden Bank Dunia, John Wolfensohn serta ketua kerajaan negara sedang membangun.

Ini adalah kali kedua GKII diadakan selepas GK pertama di Toronto, Kanada pada 1997. Dalam GKI, rumusan persidangan ialah pembentukan Rakan Kongsi Ilmu Global (GKP) bertujuan untuk mempromosikan kerjasama lebih erat antara kerajaan, sektor swasta dan orang ramai.

(END)